

RISALAH MAKLUMAT PESAKIT [VILDAGLIPTIN/METFORMIN]

Apakah kegunaan ubat ini?

Ia mengandungi dua ubat berbeza yang dipanggil Vildagliptin dan Metformin. Metformin mengawal kencing manis dengan membantu badan anda menggunakan insulin dengan lebih baik. Ia juga mengurangkan jumlah gula yang dihasilkan oleh hati anda, lantas mengurangkan paras gula anda dalam darah. Vildagliptin mengawal kencing manis dengan membantu meningkatkan pelepasan insulin selepas makan dan mengurangkan jumlah gula yang dibuat oleh hati. Kedua-dua ubat ini berfungsi bersama perubahan gaya hidup, seperti mengamalkan diet yang sihat dan senaman yang kerap, untuk mengurangkan paras gula dalam darah.

Bagaimanakah saya harus mengambil/menggunakan ubat ini?

Anda boleh mengambil ubat ini sebelum atau selepas makan. Ini mengurangkan kemungkinan anda untuk mendapat ketidakselesaan perut, rasa loya atau cirit-birit.

Apakah perlu saya lakukan jika saya terlupa mengambil/menggunakan ubat ini?

Jika anda terlepas satu dos, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jangan lupa mengambilnya semasa makan. Sekiranya sudah hampir masa untuk mengambil dos anda selanjutnya, ambil dos yang biasa sahaja.

Jangan gandakan dos anda atau ambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas.

Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu saya ambil?

Beritahu profesional penjagaan kesihatan anda jika anda:

- Alah kepada ubat ini atau sebarang bahan lain ubat ini
- Sedang hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan
- Mempunyai masalah pankreas seperti pankreatitis (keradangan pankreas)
- Mengalami batu karang, minum minuman keras dengan sangat kerap atau mempunyai paras trigliserida (sejenis kolesterol) yang sangat tinggi dalam darah anda. Keadaan perubatan ini boleh meningkatkan kemungkinan anda mendapat pankreatitis.
- Mempunyai masalah jantung, buah pinggang atau hati
- Akan menjalani imbasan atau X-ray. Anda mungkin perlu berhenti mengambil Metformin selama beberapa hari.
- Akan menjalani pembedahan
- Mengalami ketoasidosis diabetik pada masa lalu. Ini adalah komplikasi kencing manis yang disebabkan oleh peningkatan jumlah keton dalam darah atau air kencing anda, yang menyebabkan darah anda menjadi lebih berasid.

Jika anda perlu melakukan ujian darah yang memerlukan anda berpuasa terlebih dahulu, jangan ambil ubat anda sehingga darah anda telah diambil dan anda telah makan.

Apakah beberapa kesan sampingan yang lazim bagi ubat ini?

Seperti semua ubat, ubat ini mungkin menyebabkan beberapa kesan sampingan tetapi tidak semua orang mengalaminya. Dapatkan nasihat profesional penjagaan kesihatan anda jika sebarang kesan sampingan tersebut menjadi teruk dan menyusahkan.

Kesan sampingan yang lazim Vildagliptin/Metformin termasuk:

- Sakit kepala
 - Ambil Paracetamol jika perlu untuk melegakan sakit kepala
- Keletihan
- Pening
- Mialgia (sakit otot) dan artralgia (sendi sakit atau mengeras)
- Cirit-birit
- Rasa loya, muntah-muntah, ketidakselesaan perut
 - Ambil ubat semasa makan atau selepas makan untuk mengurangkan rasa loya dan muntah-muntah
 - Elakkan makanan yang terlalu berempah, pedas atau mempunyai bau yang kuat
- Gementar/Mengeletar

Apakah beberapa kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius yang memerlukan saya mendapatkan nasihat perubatan dengan segera?

Gejala alahan dadah termasuk satu atau lebih daripada yang berikut:

- Muka/mata/bibir/lidah bengkak
- Kesukaran bernafas
- Ruam kulit gatal di seluruh badan anda

Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, anda harus berhenti mengambil ubat anda dan berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera.

Jika kesan sampingan yang serius berikut berlaku, anda harus berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera:

- Pankreatitis (keradangan pankreas) adalah kesan sampingan yang jarang berlaku tetapi serius bagi ubat ini. Gejala pankreatitis termasuk:
 - Sakit yang teruk di bahagian perut, abdomen atau belakang badan
 - Rasa loya atau muntah-muntah yang tidak reda
 - Demam
- Kemunculan baru lepuh atau ulser
- Asidosis laktik (keadaan di mana terdapat pengumpulan asid laktik dalam badan, menyebabkan darah anda menjadi lebih berasid) adalah masalah perubatan yang

sangat jarang berlaku tetapi serius. Kemungkinan ini berlaku meningkat jika buah pinggang anda tidak berfungsi dengan baik. Gejala asidosis laktik termasuk:

- Selera makan berkurangan
- Muntah-muntah dan sakit perut yang berterusan buat sekian waktu
- Perasaan tidak sihat secara umum disertai dengan rasa sejuk atau keletihan yang berlebihan
- Pernafasan cepat dan cetek

Apakah makanan atau ubat yang harus saya elakkan apabila saya mengambil/menggunakan ubat ini?

Elakkan minum minuman keras dengan ubat ini kerana ia meningkatkan risiko asid laktik mengumpul di dalam badan anda dan kemungkinan mendapat pankreatitis.

Bagaimanakah harus saya simpan ubat ini?

Simpan di tempat yang terlindung dan kering, jauh daripada sinaran langsung matahari. Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak.

Bagaimanakah harus saya buang ubat ini dengan selamat?

Bungkuskan ubat ini dalam beg sampah hitam dan ikat ketat sebelum membuangnya ke dalam tong sampah.

Penafian

Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang diberikan di atas bukan senarai lengkap semua kemungkinan kesan sampingan. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai ubat atau anda mengalami kesan sampingan lain yang anda fikir disebabkan oleh ubat ini, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mengambil lebih daripada dos yang disyorkan, sila dapatkan nasihat perubatan dengan segera. Maklumat yang diberikan di halaman ini tidak menggantikan maklumat daripada profesional penjagaan kesihatan anda. Sila rujuk kepada profesional penjagaan kesihatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Rencana ini dihasilkan secara bersama oleh para anggota kumpulan kerja Maklumat Ubat Kebangsaan (NMI), dan disokong oleh Kementerian Kesihatan. Kumpulan kerja ini terdiri daripada rakan kongsi kelompok (National Healthcare Group, Sistem Kesihatan Universiti Nasional dan SingHealth), farmasi masyarakat (Guardian, Unity dan Watsons) dan Persatuan Farmaseutikal Singapura. Kandungannya tidak menggambarkan ketersediaan ubat dan

maklumat bekalan di farmasi dan institusi penjagaan kesihatan. Anda dinasihatkan untuk bertanya kepada institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut.